



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. kami: KPM.600-12/1/4 Jld.35(27)

Tarikh : 23 November 2022

Encik Vishal Sidhu
Ketua Pegawai Eksekutif
WoLCE Group Sdn. Bhd.
A-16-28 Centrestage
Jalan 13/1, Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN PERTANDINGAN
STAND2 SCHOOLS DEBATE CHALLENGE 2023**

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 7 November 2022 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan STAND2 Schools Debate Challenge 2023** pada **6 dan 7 Mei 2023** sahaja. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;

...2/-

- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.8 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat. (SPI Bil.5/2018)
- 3.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 3.12 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**;
- 3.13 pihak agensi dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);
- 3.14 bagi tujuan **pengiktirafan program**, pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;

- 3.15 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima** (seperti di Lampiran B) kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.16 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas ini hanya untuk **WoLCE Group Sdn. Bhd.** bagi kebenaran penganjuran **Pertandingan *STAND2 Schools Debate Challenge 2023*** pada **6 dan 7 Mei 2023 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Nadhirah binti Azman** di talian **03-8884 1090** atau e-mel **nadhirah@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
2.0 Tarikh Pelaksanaan:
3.0 Mod Pelaksanaan:
4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
JUMLAH										

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (***)*Jika berkaitan*)
7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (***)*Jika berkaitan*)
8.0 Pemenang: (***)*Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	JPN
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

- 9.0 Isu dan cabaran:
10.0 Elemen *Human Governance* yang dilaksanakan:
11.0 Cadangan penambahbaikan:
12.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami:

Tarikh:

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1,2 & 7, Blok 13

Kompleks Kerajaan Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM _____

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) _____ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.16 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) _____ mulai _____ hingga _____.

3. Pihak (nama agensi penganjur) _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....

(Nama)

Jawatan